

THANAGOPAL A/L PONNIAH v TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI
DAN LAIN-LAIN

CaseAnalysis

| [2018] MLJU 788

Thanagopal a/l Ponniah lwn Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia dan lain-lain

[2018] MLJU 788

Malayan Law Journal Unreported

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR)

ALIZA SULAIMAN PK

PERMOHONAN JENAYAH NO 44-163-10 TAHUN 2017

2 July 2018

Luqman bin Mazlan (Kay Fatima bt Ahmat bersama beliau) (Shamsuddin & Co) bagi pihak pemohon.

Norazlin Mohamad Yusoff (Peguam Persekutuan, Kementerian Dalam Negeri) bagi pihak responden.

Aliza Sulaiman PK:

PENGHAKIMAN Pengenalan

[1] Pemohon kini ditahan di Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Renggam, Johor di bawah subseksyen 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 [Akta 316] melalui satu perintah tahanan bertarikh 12 Mei 2017 ('PT tersebut') yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia.

....

[2] Melalui satu Notis Usul yang difaiklan pada 10 Oktober 2017 (Lampiran 1), Pemohon memohon supaya suatu perintah writ *habeas corpus* dikeluarkan bagi membebaskan Pemohon daripada tahanan yang didakwa adalah tidak sah. Suatu Perakuan Segera (Lampiran 2) turut difaiklan pada tarikh yang sama.

[3] Permohonan Pemohon telah didengar pada 3 Mei 2018 dan tarikh asal untuk keputusan ialah pada 11 Mei 2018. Namun, berikutan pengumuman 11 Mei 2018 sebagai cuti peristiwa maka keputusan telah diberikan pada 18 Mei 2018 yang mana permohonan Pemohon telah ditolak.

[4] Alasan ringkas untuk keputusan telah dibacakan di mahkamah terbuka pada 18 Mei 2018. Peguam Pemohon telah memfailkan Notis Rayuan terhadap keputusan saya pada 22 Mei 2018. Walau bagaimanapun, saya menerima Notis Rayuan tersebut bersama Perakuan Segera yang difaiklan bersama hanya pada 28 Jun 2018. Alasan penghakiman penuh saya bagi keputusan yang telah diberikan ialah seperti yang diuraikan di bawah.

Fakta Latar Belakang

[5] Pada awalnya, Pemohon telah ditangkap dan ditahan oleh pihak polis pada 24 Oktober 2016 di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234] dan dituduh di bawah seksyen tersebut bersama seorang yang lain. Menurut Afidavit Sokongan Pemohon (Lampiran 3), dia telah direman selama lebih kurang 5 bulan sehingga bulan Mac 2017 dan kemudiannya dibebaskan tanpa syarat. Seterusnya, Pemohon ditahan bagi maksud penyiasatan di bawah subseksyen 3(1) Akta 316.

[6] Pegawai polis yang membuat penyiasatan berkaitan dengan Pemohon iaitu ASP Zahari Bin Mohamed Noor telah mengemukakan laporan lengkap penyiasatan kepada Menteri Dalam Negeri dan Pegawai Siasatan yang dilantik oleh Menteri Dalam Negeri iaitu Dzul Iswari Bin Mohd Jaafar pada 18 April 2017 selaras dengan peruntukan subseksyen 3(3) Akta 316.

[7] Pegawai Siasatan Kementerian Dalam Negeri ('KDN') Dzul Iswari telah menjalankan

....

penyiasatan secara fizikal terhadap Pemohon pada 4 Mei 2017 dan keesokan hari, 5 Mei 2017, laporan secara bertulis telah dikemukakan kepada Menteri Dalam Negeri sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 5(4) Akta 316.

[8]YB Dato' Masir Anak Kujat, Timbalan Menteri Dalam Negeri telah meneliti laporan lengkap penyiasatan dan laporan Pegawai Siasatan KDN yang dikemukakan di bawah subseksyen 3(3) dan 5(4) Akta 316 dan berpuas hati bahawa bagi kepentingan ketenteraman awam Pemohon perlu ditahan. Dengan itu, YB Timbalan Menteri Dalam Negeri telah mengarahkan supaya Pemohon ditahan selama dua tahun mulai 12 Mei 2017 di Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Renggam, Johor melalui PT tersebut.

[9]Pemohon telah mengemukakan representasi terhadap PT tersebut kepada Lembaga Penasihat yang ditubuhkan di bawah Fasal (2) Perkara 151 Perlembagaan Persekutuan. Representasi tersebut telah didengar oleh Lembaga Penasihat pada 8 Ogos 2017 dengan kehadiran Pemohon dan peguamnya, Dato' Rosal Azimin Bin Ahmad.

[10]Lembaga Penasihat telah menimbangkan representasi Pemohon pada 14 Ogos 2017 dan membuat syor mengenainya kepada Yang di-Pertuan Agong selaras dengan peruntukan subseksyen 10(1) Akta 316. Seterusnya, pada 13 September 2017, Yang di-Pertuan Agong telah menimbangkan syor Lembaga Penasihat dan memperkenankan PT tersebut.

[11]Alasan-alasan bagi menyokong permohonan Pemohon tersebut adalah sebagaimana yang terkandung dalam Afidavit Sokongan yang diikrarkannya pada 2 Oktober 2017 seperti yang dikehendaki di bawah seksyen 366 Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593]. Menurut Pemohon, tangkapan dan penahanannya berdasarkan PT tersebut adalah tidak sah di sisi undang-undang dan tidak teratur kerana ianya bercanggah dengan peruntukan undang-undang iaitu, antara lain, seksyen-seksyen 3, 4 dan 5 Akta 316 serta Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987('Kaedah tersebut').

Afidavit-Afidavit Jawapan Responden-Responden

....

[12] Responden-Responden telah memfailkan 14 Afidavit-Afidavit Jawapan untuk membantah permohonan Pemohon iaitu seperti yang berikut:

- (a) Afidavit Jawapan oleh YB Dato' Masir Anak Kujat, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia yang diikrarkan pada 10 November 2017 (Lampiran 6);
- (b) Afidavit Jawapan oleh DSP Md Salleh Bin Abas, Pegawai Turus Perundangan/ Naziran di Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik ('JSJN'), Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur ('IPPK KL') yang diikrarkan pada 3 November 2017 (Lampiran 7);
- (c) Afidavit Jawapan oleh Mohd Adzharuddien Bin Baharom, Penolong Setiausaha, Bahagian Keselamatan Dan Ketenteraman Awam, KDN yang diikrarkan pada 16 November 2017 (Lampiran 8);
- (d) Afidavit Jawapan oleh Deputi Komisioner Polis Dato' Pahlawan Mohd. Dzuraidi Bin Ibrahim, Timbalan Pengarah (Perlucutahan Harta/ Perundangan/ Tahanan), JSJN, Ibu Pejabat Polis DiRaja Malaysia, Bukit Aman, Kuala Lumpur yang diikrarkan pada 27 Oktober 2017 (Lampiran 9);
- (e) Afidavit Jawapan oleh Dzul Iswari Bin Mohd Jaafar, Pegawai Siasatan KDN yang diikrarkan pada 17 November 2017 (Lampiran 10);
- (f) Afidavit Jawapan oleh Detektif Sarjan Munusamy a/l Kanasan, anggota polis yang bertugas di JSJN, IPPK KL yang diikrarkan pada 24 November 2017 (Lampiran 13);
- (g) Afidavit Jawapan oleh Konstabel Hashimudin Bin Ameeraly, anggota polis JSJN, IPPK KL yang diikrarkan pada 30 November 2017 (Lampiran 14);
- (h) Afidavit Jawapan oleh ASP Zahari Bin Mohamed Noor, Pegawai Penyiasat yang bertugas di JSJN, IPPK Kuala Lumpur yang diikrarkan pada 17 November 2017 (Lampiran 15);
- (i) Afidavit Jawapan oleh Inspektor Zulkifli Bin Mohd Daud yang bertugas di JSJN, IPPK Kuala Lumpur yang diikrarkan pada 30 November 2017 (Lampiran 16);

....

- (j) Afidavit Jawapan oleh Shahrill Ramdzan Bin Abd. Hamid, Warden di Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam, Johor yang diikrarkan pada 16 Januari 2018 (Lampiran 19);
- (k) Afidavit Jawapan oleh Detektif Sarjan K. Saundararajan a/l Krishnan, Bahagian Tahanan, JSJN Bukit Aman/ Balai Polis Simpang Renggam, Johor yang diikrarkan pada 16 Januari 2018 (Lampiran 20);
- (l) Afidavit Jawapan oleh Harun Bin Musa, Warden di Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam, Johor yang diikrarkan pada 16 Januari 2018 (Lampiran 21);
- (m) Afidavit Jawapan oleh Mastura Binti Abu Bakar, Setiausaha Lembaga Penasihat, Jabatan Perdana Menteri yang diikrarkan pada 16 Januari 2018 (Lampiran 22); dan
- (n) Afidavit Jawapan oleh Norulekhsan Bin Abdul Rahim, Penguasa dan Pegawai Yang Menjaga, Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam, Johor yang diikrarkan pada 16 Januari 2018 (Lampiran 23).

[13]Tiada Afidavit Jawapan yang telah difailkan oleh Pemohon terhadap Afidavit-Afidavit Responden-Responden yang dinyatakan di atas.

Isu: Jurubahasa Tamil tidak dibekalkan semasa Notis Pendengaran Representasi (Borang II, Kaedah 5(1) Kaedah tersebut) diserahkan kepada Pemohon

[14]Melalui Notis Usul dan Afidavit Sokongan Pemohon, beberapa alasan telah dikemukakan bagi menyokong permohonan untuk suatu perintah writ *habeas corpus* dikeluarkan oleh Mahkamah. Walau bagaimanapun, dalam penghujahan bertulis yang disediakan oleh peguam Pemohon pada 9 April 2018 dan seterusnya dihujahkan secara lisan pada 3 Mei 2018, Pemohon hanya bergantung kepada satu alasan untuk mencabar keesahan PT tersebut.

[15]Isu yang dibangkitkan ialah bahawa seorang jurubahasa Tamil tidak dibekalkan semasa Notis Pendengaran Representasi (Borang II, Kaedah 5(1) Kaedah tersebut) ('Borang II') diserahkan kepada Pemohon dan dengan itu, hak Pemohon kepada bantuan khidmat

....

jurubahasa telah dinafikan dan ketidakpatuhan ini telah menyebabkan penahanan Pemohon adalah salah dari segi prosedur dan undang-undang.

Analisa Undang-Undang & Keputusan Mahkamah

[16] Mahkamah Persekutuan dalam kes *Lee Kew Sang v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2005] 3 CLJ 914 telah memutuskan bahawa apa-apa cabaran terhadap perintah penahanan yang dibuat oleh Menteri Dalam Negeri adalah dihadkan “*to grounds of non-compliance with any procedural requirement, and nothing else?*”. Oleh itu, bagi sesuatu permohonan writ *habeas corpus* yang melibatkan tahanan pencegahan, semakan kehakiman hanyalah boleh dibuat terhadap isu ketidakpatuhan apa-apa kehendak prosedur menurut perundangan yang berkenaan (peruntukan Fasal (1) dan (2) Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan serta seksyen 6A, seksyen 11C dan perenggan (c) seksyen 11D Akta 316 juga dirujuk).

[17] Menurut perenggan 33 Afidavit Pemohon, dia mendakwa bahawa -

“Saya juga telah tidak diberikan dan/atau diserahkan dengan borang 2 yang mana tanpa penyerahannya saya telah tidak dengan sempurna kandungan borang 2 tersebut. Saya juga tidak dibekalkan dengan jurubahasa yang sayakehendaki walaupun saya telah memohon bantuan khidmat jurubahasa yang merupakan hak saya di bawah undang-undang negara?.

[penekanan ditambah]

[18] Manakala subperenggan (p) dan (q) di bawah perenggan 40 Afidavit Pemohon menyatakan bahawa -

“Secara keseluruhannya, segala tatacara dan prosedur sepanjang tangkapan saya sehingga hari ini adalah cacat dan/atau defektif dan/atau tidak menuruti prosedur dan/atau bercanggah dengan peruntukan undang-undang negara kerana, antara lain:

...

....

(p) Saya juga tidak dimaklumkan oleh Pusat Pemulihan Akhlak bahawa saya boleh membuat representasi di hadapan Lembaga Penasihat.

(q) Saya sesungguhnya menyatakan bahawa saya telah tidak diserahkan secara sempurna akan Perintah Tahanan berserta borang-borang yang mencukupi seperimana yang diperlukan oleh perundangan Negara Malaysia;

...?.

[19] Kaedah 5(1) Kaedah tersebut memperuntukkan seperti yang berikut:

"5. Pendengaran representasi"

- (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta, apabila apa-apa representasi diterima oleh Setiausaha, Pengerusi hendaklah menetapkan suatu masa dan tempat bagi representasi itu dipertimbangkan oleh Lembaga dan hendaklah menyebabkan suatu notis mengenainya dalam Borang II di dalam Jadual disampaikan kepada orang tahanan dan peguambelanya jika peguambela itu dinamakan dalam Borang I.
- (2) Orang tahanan itu boleh hadir di hadapan Lembaga sama ada bersendirian atau bersama peguambelanya atau diwakili oleh peguambelanya pada masa dan tempat yang ditetapkan itu.
- (3) Orang tahanan itu atau wakilnya, mengikut mana yang berkenaan, boleh menyampaikan kata-kata kepada Lembaga secara lisan untuk menguatkan atau meluaskan alasan-alasan atau sebab-sebab yang diberikan dalam Borang I.
- (4) Lembaga boleh terus menimbangkan atau memutuskan-
 - (1) dalam hal di mana tahanan itu atau wakilnya hadir, representasi yang dibuat itu setelah mendengar kata-kata yang disampaikan itu, jika ada; atau
 - (2) dalam hal di mana orang tahanan itu atau wakilnya hadir, hanya representasi bertulis yang dibuat dalam Borang I sahaja. ?.

....

[20] Berkenaan dengan isu yang dibangkitkan oleh Pemohon, perenggan-perenggan 4 hingga 7 dalam Afidavit Jawapan Shahrill Ramdzan, Warder di Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam, Johor (Lampiran 19) menyatakan bahawa dia telah **menyampaikan, membaca dan menjelaskan Borang II kepada Pemohon** pada 5 Jun 2017, 15 Jun 2017, 20 Jun 2017 dan 21 Jun 2017 tanpa khidmat seorang jurubahasa Tamil. Ekhibit “SR-1? Afidavit Jawapan Shahrill Ramdzan menunjukkan empat Borang II yang bertarikh 1 Jun 2017, 14 Jun 2017, 20 Jun 2017 dan 21 Jun 2017.

[21] Sebagai contoh, kandungan Borang II yang bertarikh 1 Jun 2017 diperturunkan di bawah:

“LEMBAGA PENASIHAT

JABATAN PERDANA MENTERI

LP/04-75/2017

BORANG //

[KAEADAH 5(1)]

KAEDAH-KAEDAH DADAH BERBAHAYA

(LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN KHAS)

(PROSEDUR LEMBAGA PENASIHAT) 1987

NOTIS PENDENGARAN REPRESENTASI

Thanagopal a/l Ponniah lwn Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia dan lain-lain

....

JST 73/2017

Kepada: THANAGOPAL A/L PONNIAH

Sila ambil perhatian bahawa Lembaga Penasihat akan bersidang di Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Rengam, Johor pada 14.06.2017 pukul 09:00 pagi bagi maksud mendengar representasi-representasi oleh kamu atau peguambela kamu berkaitan dengan Perintah Tahanan yang dibuat terhadap kamu.

Bertarikh:01.06.2017 - tandatangan -

.....
PENGERUSI

LEMBAGA PENASIHAT

JABATAN PERDANA MENTERI..

Kandungan Borang II yang bertarikh 14 Jun 2017, 20 Jun 2017 dan 21 Jun 2017 adalah sama dengan Borang II yang bertarikh 1 Jun 2017 melainkan tarikh persidangan Lembaga Penasihat dan tarikh Notis Pendengaran Representasi.

[22]Dakwaan Pemohon mengenai Borang II yang tidak diberikan dan/ atau diserahkan kepada Pemohon nyata adalah tidak benar apabila dipertimbangkan bersama kandungan Afidavit Shahrill Ramdzan dan Afidavit Jawapan yang diikrarkan oleh Mastura Abu Bakar (Lampiran 22).

[23]Berdasarkan Afidavit Mastura Abu Bakar, Pemohon telah hadir di hadapan Lembaga

....

Penasihat pada 14 Jun 2017, 20 Jun 2017, 21 Jun 2018 dan 8 Ogos 2017 tetapi peguam Pemohon tidak hadir pada 14 Jun 2017 dan 20 Jun 2017 kerana menghadiri kes perbicaraan di Mahkamah Tinggi Shah Alam. Pada 21 Jun 2017 pula, peguam Pemohon memohon penangguhan pendengaran representasi kerana Pegawai Penyiasat bagi kes Pemohon bercuti sakit. Kehadiran Pemohon di setiap sesi Lembaga Penasihat dengan sendirinya menunjukkan bahawa Borang II sememangnya telah diserahkan kepada Pemohon.

[24] Selanjutnya, perenggan 33 Afidavit Pemohon juga menyatakan bahawa jurubahasa yang dikehendakinya tidak dibekalkan walaupun permohonan telah dibuat. Afidavit Shahrill Ramdzan tidak menyatakan bahawa terdapat permohonan sedemikian oleh Pemohon. Menurut perenggan 4 Afidavit Shahrill Ramdzan -

"Pada 05-06-2017 di PPA Simpang Renggam, Johor, saya telah ditugaskan untuk menyampaikan kepada Pemohon sesalinan Notis Pendengaran Representasi (selepas ini disebut sebagai "Borang II?") di bawah Kaedah 5(1), Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987 (selepas ini dirujuk 'Kaedah-Kaedah tersebut') bertarikh 01-06-2017 yang saya telah terima daripada Lembaga Penasihat. Saya kemudiannya telah membaca dan menjelaskan kepada Pemohon dalam Bahasa Malaysia berhubung Lembaga Penasihat yang akan bersidang pada 14-06-2017 jam 9.00 pagi di PPA Simpang Renggam, Johor bagi maksud mendengar representasi Pemohon berhubung dengan Perintah Tahanan yang telah dibuat terhadap Pemohon. Saya terlebih dahulu telah berbual-bual dengan Pemohon menggunakan bahasa Malaysia dan saya telah berpuas hati bahawa Pemohon memahami bahasa Malaysia yang saya gunakan. Saya juga telah membaca dan menjelaskan kepada Pemohon tentang hak-hak Pemohon untuk membuat representasi di hadapan Lembaga Penasihat dan telah menerangkan kepada Pemohon bahawa Pemohon boleh hadir sendiri dan berhak untuk diwakili oleh peguam bela dan memanggil saksi-saksi semasa persidangan representasi tersebut. Sesungguhnya saya telah menggunakan bahasa Malaysia dan Pemohon mengakui memahami penerangan saya.?.

[25] Perenggan-perenggan 5, 6 dan 7 Afidavit Shahrill Ramdzan yang seterusnya mempunyai isi kandungan yang sama seperti petikan perenggan 4 di atas dengan hanya perubahan tarikh penugasan penyampaian Borang II kepada Pemohon dan tarikh Borang II itu sendiri.

[26] Dua lagi perenggan yang penting dalam Afidavit Shahrill Ramdzan berkaitan dengan isu ini ialah perenggan-perenggan 8 dan 10 seperti yang berikut:

....

"8. Saya sesungguhnya telah menggunakan bahasa Malaysia kerana penerangan saya tidak memerlukan kefahaman yang mendalam memandangkan saya hanya perlu memberitahu mengenai tarikh, masa dan tempat Lembaga Penasihat akan bersidang untuk mendengar representasi Pemohon. Saya juga telah membaca dan menjelaskan kepada Pemohon tentang hak-hak Pemohon untuk membuat representasi di hadapan Lembaga Penasihat dan telah menerangkan kepada Pemohon bahawa Pemohon boleh hadir sendiri dan berhak untuk diwakili oleh peguam bela dan memanggl saksi-saksi semasa persidangan representasi tersebut. Pemohon telah mengakui memahami segala penerangan dan pemberitahuan yang telah saya berikan.?"

"10. Merujuk kepada perenggan 33 Afidavit Pemohon, saya sesungguhnya menafikan dakwaan Pemohon dan sesungguhnya mengulang kembali pernyataan dalam perenggan 4 hingga 8 di atas. Saya menegaskan bahawa saya telah menyerahkan dan menerangkan kepada Pemohon Borang-Borang II bertarikh 01-06-2017, 14-06-2017, 20-06-2017 dan 21-06-2017 di PPA Simpang Renggam, Johor. Saya juga telah menerangkan dalam Bahasa Malaysia kepada Pemohon berkenaan isi kandungan Borang-Borang II tersebut yang mengandungi maklumat berkenaan masa, tarikh dan tempat di mana pendengaran representasi Pemohon di hadapan Lembaga Penasihat. Saya sesungguhnya menegaskan bahawa Pemohon sendiri mengaku telah menerima Borang-Borang II tersebut dan telah memahami segala penerangan saya. Justeru, dakwaan Pemohon adalah tidak benar dan tidak berasas.?"

[27] Berdasarkan Afidavit Shahrill Ramdzan, dia telah berbual-bual dengan Pemohon menggunakan bahasa Malaysia dan dia berpuas hati bahawa Pemohon memahami bahasa Malaysia yang digunakannya. Dalam hal ini, saya menerima keterangan Afidavit Shahrill Ramdzan mengenai pemahaman bahasa Malaysia yang digunakan memandangkan versi Shahrill Ramdzan berkenaan perkara penyerahan Borang II kepada Pemohon ternyata adalah benar.

[28] Sungguhpun Pemohon tidak memohon untuk khidmat jurubahasa Tamil bagi menjelaskan kandungan Borang II dan pada hakikatnya tiada jurubahasa Tamil yang telah dibekalkan, adakah ini menyebabkan PT tersebut menjadi cacat dan defektif?

[29] Peguam Pemohon berhujah bahawa kegagalan pihak Responden untuk menyampaikan dan menjelaskan Borang II kepada Pemohon dengan bantuan jurubahasa Tamil telah menyebabkan PT tersebut menjadi cacat dan defektif dan Pemohon harus dibebaskan dengan serta merta.

....

[30]Peguam Pemohon turut bersandarkan kepada peruntukan Fasal (1) Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan untuk menghujahkan bahawa hak Pemohon untuk memperoleh jurubahasa Tamil berkaitan dengan Borang II telah dinafikan sedangkan dia telah mendapat khidmat jurubahasa tersebut semasa siasatan, inkiri dan persidangan pendengaran representasi di hadapan Lembaga Penasihat. Bagi menyokong hujahnya, peguam Pemohon telah merujuk kepada kes *Magendran Arumugam v Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia dan 2 Yang Lain* [2016] 1 LNS 638.

[31]Peguam Persekutuan bagi pihak Responden-Responden pula telah berhujah walaupun jurubahasa Tamil telah dibekalkan semasa rakaman percakapan Pemohon diambil, siasatan Pemohon di hadapan Pegawai Siasatan KDN dan semasa pendengaran representasi Pemohon di hadapan Lembaga Penasihat, ianya tidak menjadikan penyerahan Borang II tidak teratur kerana Kaedah 5 Kaedah tersebut tidak meletakkan pembekalan jurubahasa sebagai satu keperluan prosedur mandatori semasa penyerahan Borang II kepada Pemohon.

[32]Peguam Persekutuan telah merujuk kepada muka surat 930-931 dalam laporan kes *Lee Kew Sang* seperti yang berikut:

"In our view, courts must give effect to the amendments. That being the law, it is the duty of the courts to apply them. So, in a habeas corpus application where the detention order of the Minister made under s. 4(1) of the Ordinance or, for that matter, the equivalent ss. in ISA 1960 and DD(SPM) Act 1985, the first thing that the courts should do is to see whether the ground forwarded is one that falls within the meaning of procedural non-compliance or not. To determine the question, the courts should look at the provisions of the law or the rules that lay down the procedural requirements. It is not for the courts to create procedural requirements because it is not the function of the courts to make law or rules. If there is no such procedural requirement then there cannot be non-compliance thereof. Only if there is that there can be non-compliance thereof and only then that the courts should consider whether, on the facts, there has been non-compliance.?

[penekanan ditambah]

[33]Saya telah memberikan pertimbangan yang teliti terhadap penghujahan bertulis dan lisan

....

oleh peguam Pemohon dan Peguam Persekutuan bagi pihak Responden-Responden dan nas undang-undang yang telah dikemukakan oleh kedua-dua pihak. Dalam kes *Magendran Arumugam*, Yang Arif Kamaludin Md Said, Hakim Mahkamah Tinggi Seremban ketika itu (kini Hakim Mahkamah Rayuan) telah menimbangkan mengenai isu Pemohon dalam kes tersebut yang mendakwa tidak dibekalkan dengan seorang jurubahasa Tamil semasa siasatan dijalankan oleh Pegawai Siasatan di bawah subseksyen 5(2) Akta 316.

[34] Di perenggan 24 dalam penghakiman kes *Magendran Arumugam* dinyatakan seperti yang berikut:

"Pemohon mengatakan bahawa pada semua peringkat iaitu semasa pendengaran representasi, penyerahan Perintah Tahanan, borang I pendengaran representasi dan semasa beliau dibawa ke penjara Perintah Tahanan dan borang I telah diterjemahkan ke Bahasa Tamil. ...?.

Jurubahasa Tamil telah dibekalkan kepada Pemohon dalam kes tersebut sejak dari mula lagi sebagai satu prosedur tetapi perenggan 24 yang dipetik di atas tidak menyatakan bahawa khidmat jurubahasa Tamil pada semua peringkat adalah termasuk pada peringkat penyerahan Borang II kepada Pemohon.

[35] Yang Arif Kamaludin Md Said berpandangan prosedur tersebut patut diteruskan semasa siasatan oleh Pegawai Inkuari bagi menjamin hak untuk mengetahui dan memahami siasatan dan tahanan yang dijalankan terhadap Pemohon. Perenggan-perenggan 39, 46 dan 54 alasan penghakiman dipetik seperti di bawah:

"39. Pada pendapat saya, isu bahawa Pegawai Inkuari tidak membekalkan laporan penyiasatan yang dibuat olehnya di bawah sekseyen 5(2) Akta 316 yang telah dikemukakan kepada Timbalan Menteri di bawah seksyen 5(4) Akta 316 itu telah dipertimbangkan oleh Timbalan Menteri di bawah seksyen 6(1)(b) Akta 316 sebelum mengeluarkan Perintah Tahanan terhadap Pemohon. Sekiranya Mahkamah mendapati bahawa jurubahasa Tamil tidak dibekalkan kepada Pemohon semasa inkuari/siasatan dijalankan sebagai ketidakpatuhan prosedur, maka ianya memberi kesan ke atas pertimbangan Timbalan Menteri dan kuasa serta budibicara dalam mengeluarkan Perintah Tahanan di bawah seksyen 6(1) Akta 316.

...

46. Pada pandangan saya, tujuan siasatan untuk mendapatkan keterangan dari Pemohon berkenaan pertuduhan-pertuduhan dibuat atas Pemohon berdasarkan seksyen 5(2) dan 5(3) Akta 316 tersebut dan keterangan yang Pemohon berikan dalam siasatan itu akan mengikat Pemohon pada masa akan datang seperti yang dikatakan oleh SAIDAH, adalah satu perkara yang fundamental menyentuh hak asasi Pemohon di bawah Perlembagaan Persekutuan. Pegawai Inkuari, SAIDAH tidak boleh mengambil sikap yang ringan dan mudah dalam perkara ini.

...

54. Perlanggaran hak asasi berkenaan dalam kes Pemohon adalah berhubung Jurubahasa Tamil tidak dibekalkan semasa inkuari di bawah seksyen 5, oleh itu laporan yang dikemukakan di bawah subseksyen 4 di mana laporan tersebut dipertimbangkan oleh Timbalan Menteri boleh menjelaskan Perintah Tahanan di bawah seksyen 6(1) yang dikeluarkan untuk menahan Pemohon: - ... ?.

[36]Merujuk petikan perenggan-perenggan 39, 46 dan 54 tersebut, jelas bahawa Yang Arif Hakim mendapati kegagalan Responden-Responden membekalkan jurubahasa Tamil semasa inkuiri di bawah seksyen 5 Akta 316 adalah suatu perlanggaran hak asasi dan oleh itu, laporan yang dikemukakan di bawah subseksyen 5(4) Akta 316 yang dipertimbangkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri telah menjelaskan Perintah Tahanan.

[37]Dalam kes di hadapan Mahkamah ini, kandungan Borang II melibatkan butir-butir mengenai bila Lembaga Penasihat akan bersidang iaitu tempat, tarikh dan masa serta tujuan iaitu untuk mendengar representasi oleh Pemohon atau peguam bela berkaitan dengan PT tersebut. Saya menerima keterangan dalam Afidavit Shahrill Ramdzan bahawa kandungan Borang II telah dijelaskan kepada Pemohon dalam bahasa Malaysia dan difahami oleh Pemohon memandangkan -

(a) ia melibatkan perkara yang tidak rumit;

....

- (b) perenggan 10 Afidavit Jawapan yang diikrarkan oleh Norulekhsan Bin Abdul Rahim, (Lampiran23) yang menyatakan -

"10. Selanjutnya, saya mendapati Borang I tersebut telah lengkap diisi pada bahagian butiran maklumat Pemohon beserta tandatangan Pemohon kecuali di ruangan representasi. Pemohon memaklumkan bahawa butiran maklumat dalam Borang I Pemohon telah diisi dengan menggunakan pen oleh pihak polis atas permintaan Pemohon kecuali di bahagian ruangan representasi yang masih kosong dan tidak diisi. Selanjutnya, setelah mendapati ruangan representasi terhadap Perintah Tahanan dalam Borang I Pemohon masih kosong dan tidak diisi, saya telah bertanya kepada Pemohon dalam bahasa Malaysia dan telah diterjemahkan semula ke dalam bahasa Tamil oleh HARUN BIN MUSA sama ada Pemohon ingin membuat catatan representasi Pemohon dalam Borang I tersebut. Pemohon kemudian telah memaklumkan bahawa Pemohon ingin membuat catatan representasi Pemohon dalam Borang I tersebut. Oleh itu, saya telah memberikan sehelai kertas putih kepada Pemohon untuk Pemohon menulis catatan representasi Pemohon tersebut. Pemohon telah mencatat maklumat peribadi Pemohon dan Pemohon telah menulis sendiri representasi Pemohon pada kertas putih tersebut. Setelah Pemohon selesai mencatat representasi Pemohon dalam kertas putih tersebut, Pemohon telah menurunkan tandatangan Pemohon pada catatan representasi Pemohon dalam kertas putih tersebut.?,

dan catatan representasi Pemohon dalam bahasa Malaysia (ekshhibit "N-2? dalam Afidavit Jawapan Norulekhsan) jelas menunjukkan satu tahap pemahaman bahasa Malaysia yang membolehkan Pemohon memahami kandungan Borang II sebagaimana yang dinyatakan oleh Shahrill Ramdzan dalam Afidavitnya; dan

- (c) Pemohon hadir pada setiap tarikh yang ditetapkan untuk persidangan Lembaga Penasihat bagi mendengar representasi oleh Pemohon.

[38] Di samping itu, kes *Navindren Raj Cumarason v Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah & 4 Yang Lain* [2016] 1 LNS 614 yang dirujuk dalam penghujahan Peguam Persekutuan boleh menyokong kesimpulan bahawa hanya kerana perkhidmatan jurubahasa Tamil dibekalkan pada peringkat lain dalam prosedur yang berkaitan dengan PT tersebut tidak bermakna Pemohon tidak memahami bahasa Malaysia yang mudah bagi maksud kandungan Borang II dan berlakunya perlanggaran hak asasi Pemohon. Bahagian yang relevan dalam alasan penghakiman kes *Navindren* ialah seperti yang berikut:

....

[34] Tambahan pula, Pemohon telah menulis sendiri di Borang I bagi kajian semula dapatan Pegawai Inkuiри dengan memberi 2 alasan dalam bahasa Malaysia iaitu seperti berikut:

- (i) *Saya kahwin bulan 11/1/2015, saya ingin membina rumah tangga baru. Jika ada hukuman saya merayu buang daerah.*
- (ii) *Saya berjanji akan berubah hidup saya dengan lebih sempurna di tempat baru, terima kasih banyak.*

Begitu juga semasa membuat representasi kepada Lembaga Penasihat. Pemohon telah mengisi sendiri Borang I bertarikh 24.9.2015 menurut subperaturan 3(2) dalam Bahasa Malaysia dan menyatakan dalam representasinya seperti berikut:

"Saya tidak mengaku salah kerana saya tiada masalah kekurangan wang. Oleh itu saya tidak buat samun dan jenayah. Saya baru kahwin pada 11.1.2015. Saya tidak terlibat dalam apa-apa jenayah. Saya merayu untuk Buang daerah/Bebas secepat mungkin. Terima kasih Dato.?

[35] Berhubung dengan kebolehan Pemohon memahami dan berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia ini, saya juga merujuk kepada affidavit Penolong Komisioner Penjara Azman bin Mohd Ali di perenggan 5 dan 6, yang antara lain menyatakan bahawa Pemohon telah memaklumkan kepada En. Azman bahawa Pemohon memahami Bahasa Malaysia. En. Azman juga telah berbual-bual dengan Pemohon dalam Bahasa Malaysia dan berpuashati bahawa Pemohon memahami Bahasa Malaysia. En. Azman juga telah menerangkan kandungan Perintah Tahanan bertarikh 23.9.2015 tersebut kepada Pemohon dalam Bahasa Malaysia dan Pemohon mengakui memahami segala penerangan En. Azman tersebut. En. Azman juga dapat berkomunikasi dengan Pemohon dalam Bahasa Malaysia tanpa sebarang masalah.

[36] Di sini hanya semata-mata Pemohon ada mendapatkan perkhidmatan jurubahasa semasa Perintah Tahanan tersebut diterangkan kepada pemohon pada 23.9.2015 dan semasa prosiding di hadapan Lembaga Penasihat, tidak bermakna bahawa Pemohon tidak memahami Bahasa Malaysia atau tidak boleh berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia dengan baik. Keterangan melalui affidavit jelas menunjukkan sebaliknya, bahawa Pemohon memahami dan boleh berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia dengan lancar dan sempurna.

...

[38] Afidavit Pemohon yang difaiklan bagi menyokong permohonan ini juga dibuat dalam Bahasa Malaysia dan tiada dinyatakan dalam affidavit ini bahawa adanya sebarang terjemahan dibuat kepada Pemohon.

....

[39] Berdasarkan keterangan yang dihuraikan, saya berpuas hati bahawa Pemohon memahami Bahasa Malaysia dan boleh berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia dan ketiadaan jurubahasa Tamil semasa prosiding Inkirri tidak menyebabkan dapatan Pegawai Inkirri di bawah seksyen 10(2) APJ 1959 tersebut defektif?.

[penekanan ditambah]

[39] Peguam Persekutuan turut bergantung kepada kes *Moganraj a/l Vijayan v Menteri Dalam Negeri & 2 Yang Lain* [Permohonan Jenayah No: 44 -24-04/2016] yang mana Mahkamah telah menjelaskan tentang elemen-elemen pematuhan Kaedah 5 Kaedah tersebut sebagaimana yang berikut:

"[20] The learned FC however, responded by arguing that 'Borang II' or 'Notis Pendengaran Representasi' is just a form duly served on the applicant to inform the applicant regarding the date of the hearing of his representation. By referring to the said form, the learned FC further submitted that the name of the applicant was stated in the said form (exh. 'MAM-2'). Consequently, therefore the learned FC submitted that the requirement of the said form had been complied with and the issue of non-compliance as alleged does not arise and such argument is devoid of merit before the court.

...

[22] I am of the considered opinion that this issue raised by the learned counsel for the applicant is devoid of merit and inconsequential. We cannot in terms of legal logic or judicial reasoning see anything more than what it really is as the foregoing provision is similarly explicit. All that is required to be done is to inform the applicant in writing that the time, place of proceeding to hear the applicant's representation has been fixed. Once done, the compliance with the foregoing provision has been satisfied. I refer to the affidavit of Muhamad Alif bin Musbri dated 20th May 2016 (exh 'MMA-2', encl.14) which narrated the sequence of events that transpired. Borang II dated 7th March 2016 issued by the Board had duly informed the applicant that the hearing of the representation was fixed at 16th March 2016 at 9.00 am at PPA Machang Kelantan (at para 5) where the applicant was present with his learned counsel (Pn Naizatul Zamrina bt Karizman) who apparently had applied for the hearing be postponed because she had just been appointed. The Board then informed the applicant orally that the next date for hearing of the representation was scheduled on 5th April 2016 at 9.00am at PPA Machang Kelantan. Notwithstanding this oral notification, the Board nevertheless followed it up by issuing another Borang II dated 16th March 2016 confirming and informing the applicant of the date for the hearing of the representation scheduled at 5th April 2016 at 9.00 am at PPA Machang Kelantan.

....

[23] The learned FC referred to the case of *S. Muniandy Subramaniam v. TMDN* [2016] 1 LNS 33 where Zulkifli Bakar J held at para 21.4 as follows:

"Adalah jelas bahawa notis yang hendak disampaikan melalui Borang II tersebut telah ada di dalam pengetahuan Pemohon. Dalam konteks ini, Mahkamah ini memutuskan bahawa kehadiran Pemohon di Persidangan Lembaga Penasihat telah menunjukkan bahawa beliau telah menerima dua salinan Borang II dan telah dapat hadir pada masa yang dijadualkan di tempat yang ditetapkan;?

[24] Suffice to say from the aforementioned facts, that obviously the provision of Rule 5(1) had been complied with. By virtue of the required notices, the applicant was present before the Board to hear his representation. Therefore, it is my considered view that the answer to the second issue is also in the negative.?.

[penekanan ditambah]

[40] Berdasarkan kes di atas, tiada keperluan prosedur untuk pihak Responden membekalkan jurubahasa semasa penyerahan Borang II kepada Pemohon. Pematuhan Kaedah 5 Kaedah tersebut terbukti apabila Pemohon telah hadir di hadapan Lembaga Penasihat untuk pendengaran representasi. Menurut penghujahan bertulis peguam bagi pihak Responden-Responden, kes *Moganraj* telah dirayu ke Mahkamah Persekutuan dan pada 24 Januari 2017, rayuan Pemohon dalam kes tersebut telah ditolak oleh Mahkamah Persekutuan.

[41] Dari segi tujuan persidangan Lembaga Penasihat diadakan, hak-hak Pemohon untuk membuat representasi di hadapan Lembaga Penasihat, untuk mendapatkan khidmat peguam bela dan untuk memanggil saksi-saksi semasa persidangan representasi di hadapan Lembaga Penasihat telah dijelaskan oleh Inspektor Zulkifli Bin Mohd Daud (Afidavit Jawapan Lampiran 16) dan Noruleksan Bin Abdul Rahim (Afidavit Jawapan Lampiran 23) serta diterjemahkan ke dalam bahasa Tamil oleh Konstabel Hashimudin Bin Ameeraly (Afidavit Jawapan Lampiran 14) dan Warder Harun Bin Musa (Afidavit Jawapan Lampiran 21). Oleh yang demikian, saya mendapati Kaedah 5(1) Kaedah tersebut telah dipatuhi dengan sempurna.

....

[42]Berdasarkan semua Afidavit dan penghujahan bertulis yang telah difailkan serta nas undang-undang yang dirujuk oleh kedua-dua pihak, saya berpuas hati bahawa tiada apa-apa ketidakpatuhan prosedur yang direktori mahupun mandatori yang berlaku dalam kes ini.

[43]Kesimpulannya, permohonan yang dikemukakan melalui Notis Usul Lampiran 1 adalah tidak bermerit dan dengan itu, saya telah menolak permohonan untuk suatu perintah writ *habeas corpus* dikeluarkan terhadap Pemohon.

End of Document